



مؤتمر الإمام الشافعي الدولي

IMAM AS-SYAFI'I INTERNATIONAL CONFERENCE

Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i

Ketahanan Fiqh As-Syafi'i Dalam Mewujudkan Kesejahteraan Ummah
Sustainability of Fiqh As-Syafi'i in Driving the Prosperity of the Ummah

26-27 Syawal 1444 | 17-18 Mei 2023
Borneo Convention Centre Kuching

KERTAS KERJA 2

LEGASI MAZHAB SYAFI'I DARI DIMENSI PENSEJARAHAN

Oleh:

Prof. Dr Abdul Karim bin Ali,
Dr. Muhammad Ikhlas bin Rosele dan Dr. Muhammad Safwan Harun
Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya

PENDAHULUAN

Mazhab Shafi'i merupakan salah satu mazhab fiqh yang diakui oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ia diasaskan oleh Imam al-Shafi'i¹ yang dikenali sebagai seorang yang *mujaddid, taj al-fuqaha' al-Imam zayn al-fuqaha' dan qadi al-syari'ah*.² Bahkan beliau juga diberi jolokan *Wadi' 'ilm Usul al-Fiqh dan Nasir al-Sunnah*. Beliau dilahirkan³ di Ghazzah, Palestin⁴ pada tahun 150H⁵ dan meninggal dunia pada 27 Rejab 204H bersamaan 4 Januari 820M semasa umurnya menjangkau 54 tahun.⁶ Gelaran yang diberikan kepadanya tidak sama sekali menafikan kehebatan imam-imam mazhab yang lain. Ini kerana kesemua mazhab fiqh yang terbentuk samada yang masih kekal utuh sampai hari ini atau yang telah lenyap ditelan zaman atas pelbagai faktor adalah saling berkaitan dari banyak aspek. Ianya boleh dilihat kepada para imam itu sendiri atau tokoh-tokoh tabi'in dan sahabat r.a sehinggalah Rasulullah s.a.w. Keutuhan, kestabilan, konsisten mazhab yang ada kerana ia menggabungkan riwayat dan

¹ Nama sebenar Imam al-Shafi'i ialah Muhammad b. Idris b. al-'Abbas b. 'Uthman b. Syafi' b. al-Sa'ib b. 'Ubayd b. 'Abd Yazid b. Hasyim b. al-Muttalib b. 'Abd Manaf. Beliau berasal dari keturunan Arab Quraish Bani Hasyim dan salsilah keturunannya bertemu dengan Nabi Muhammad s.a.w pada 'Abd Manaf b. Qusay. Dalam pada itu, al-Muttalib adalah saudara kepada Hasyim b. 'Abd Manaf. Sedangkan Hasyim merupakan bapa kepada 'Abd al-Muttalib dan beliau ('Abd al-Muttalib) adalah datuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ini dikuatkan lagi dengan riwayat 'Abd Allah b. 'Adi al-Hafiz yang menyatakan bahawa Imam al-Shafi'i adalah dari keturunan Nabi Ibrahim a.s. yang mana keturunannya sampai kepada nabi Muhammad s.a.w. (Lihat, Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *Manaqib al-Imam al-Shafi'i*, Kaherah: Maktabah al-'Allamah, ms. 4 dan 132; Abu Bakr Ahmad b. 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (1997), *Tarikh Baghdad*, Mustafa 'Abd al-Qadir (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.2, ms. 68).

⁴ Lihat, al-Baghdadi (1997), *op. cit.*, j.2, ms. 54 dan 57; Abu 'Abd Allah Muhammad al-Razi (t.t), *op. cit.*, ms. 17.

⁵ (Lihat, Al-Bayhaqi Ahmad b. al-Husayn (1391H), *Manaqib al-Shafi'i*, Kaherah: al-Halabi, j. 1, ms. 73).

⁶. (Muhammad Abu Zahrah (1987), *Tarikh al-Madhahib*, *op. cit.*, ms. 449-450)

intelektual. Dalam bahasa yang mudah, mazhab fiqh sebahagian besarnya adalah periwayatan dan penaqalan. Ini dapat dilihat dari bentuk-bentuk penulisan yang lahir seperti *matan, syarah, hasyiah, mukhtasar, nazam* dan lainnya membentuk satu disiplin ilmu fiqh yang tidak terkeluar dari kerangka mazhab. Ianya tidak sekali-kali menafikan keperluan intelektual dan kebebasan berijtihad bagi golongan yang berkelayakan.

LEGASI MAZHAB AL-SHAFI'I

Oleh kerana fokus utama kertas ini berkaitan dengan legasi, oleh itu elok rasanya dijelaskan secara ringkas maksud legasi. Menurut *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, legasi atau legacy memberi beberapa konotasi makna, antaranya: i) *bequest*, pusaka, harta peninggalan, ii) *heritage*, warisan, iii) *consequence*, kesan. Sehubungan dengan itu, dalam kertas yang terbatas ini, perkataan legasi akan digunakan dalam lingkungan maksud berkaitan peninggalan, warisan dan impak daripada mazhab al-Shafi'i dalam beberapa aspek. Justeru, legasi dan sumbangan imam al-shafi'i dari dimensi pensejarahan dapat dikategorikan kepada beberapa kategori: karya, bidang kepakaran, pembentukan mazhab, prinsip dan konsep, pendekatan.

1. PENULISAN KARYA DAN BIDANG

Tidak dapat dikenalpasti secara tepat jumlah sebenar hasil karya Imam al-Shafi'i. Mengikut pengamatan Imam al-Nawawi, Imam al-Shafi'i menulis dan merencanakan kepada penuntut-penuntutnya sebanyak 113 karya. Sementara Yaqut al-Hamawi menyatakannya berjumlah 147 karya.⁷ Ia merangkumi pelbagai bidang terutamanya *usul al-fiqh, fiqh*, hadith, tafsir al-Qur'an dan lain-lain. Di antara karya-karya beliau yang ikonik, signifikan and pelopor ialah:

⁷ Yaqut al-Hamawi al-Rumi (1979), *op. cit.*, j. 17, ms. 324-337.

- i. *Kitab al-Risalah,*
- ii. *Kitab Juma' al-'ilm,*
- iii. *Kitab ibtal al-Istihsan,*
- iv. *Kitab al-Umm,*
- v. *Kitab tartib al-Sunan/al-Musnad,*
- vi. *Kitab Ikhtilaf al-Hadith,*
- vii. *Kitab Ahkam al-Qur'an.*

Penghasilan *Kitab al-Risalah* oleh imam al-Shafi'i membuktikan ketokohan beliau dalam bidang ilmu usul al-fiqh. Ia dikarang dan disempurnakan semula penulisannya di Mesir. Bahkan ia juga mengesahkan bahawa beliau merupakan pengasas/penggubal bidang tersebut dengan menulis dan membukukan perkara-perkara berkaitan al-Qur'an, al-Sunnah, al-ijma', *al-bayan*, *al-naskh* dan lain-lain. Walaupun terdapat dakwaan yang mengatakan imam-imam terdahulu sebelum imam al-Shafi'i lebih awal membincangkannya, tetapi kewujudan karya tersebut tidak dapat dibuktikan secara tuntas. Begitu juga kitab *ibtal al-istihsan* berkait rapat dengan perbincangan sumber-sumber hukum dalam pengistinbatan hukum yang menjadi salah satu sumber dalam kalangan mazhab-mazhab fiqh yang ada ketika itu. Penolakan keras imam al-Shafi'i terhadap penggunaan dalil *al-istihsan* jelas dengan kewujudan kitab tersebut, dimana beliau mengatakan "*min istahsana faqad syarra'a*". Pada anggapan beliau, cara pendalilan dan pengeluaran hukum berdasarkan *istihsan* tidak konsisten dan berbeza-beza bahkan dianggap mengikut hawa nafsu berdasarkan pandangan para fuqaha masing-masing. Dengan lain perkataan, tiada parameter tertentu yang boleh diukur berbanding dengan sumber qiyas. Bagi beliau, qiyas lebih konsisten sehingga menyatakan bahawa ijtihad itu qiyas dan qiyas itu ijtihad. Kemungkinan perbezaan perspektif mengenai *istihsan* pada zaman pembentukan mazhab fiqh tidak sama dengan apa yang dipelajari dalam silibus usul al-fiqh

sekarang. Berkaitan dengan jolokan yang diberikan kepada beliau sebagai *nasir al-sunnah*, kehebatan tersebut dalam dilihat dalam kitab *al-Risalah*, *Juma' al-'Ilm* dan *kitab Ikhtilaf al-hadith*. Doktrin menyeleweng seperti berpegang kepada al-Qur'an sahaja sebagaimana yang telah diisyaratkan oleh Nabi Muhammad s.a.w telah dikesan dan wujud pada zaman imam al-Shafi'i. Kejayaan beliau mematahkan hujah golongan yang menolak hadith terutama *khobar al-wahid*, kritikan terhadap ahli hadith yang meriwayatkan hadith-hadith yang saling bertentangan yang tidak dapat dijelaskan scenario tersebut, merupakan sumbangan besar imam al-Shafi'i. *Kitab Juma' al-'Ilm* merupakan satu dokumen sejarah bertulis pertama yang telah merakam dan membuktikan kewujudan golongan yang mempertikaikan hadith. Mereka dikategorikan kepada:

- i. Golongan yang hanya berpegang kepada al-Qur'an sahaja dan tidak mengiktiraf al-sunnah sebagai sumber hukum dalam Islam.
- ii. Golongan yang hanya menerima hadith yang ada persamaan dengan makna al-Qur'an. Dengan lain perkataan, hadith-hadith yang tidak ada persamaan dengan al-Qur'an akan ditolak.
- iii. Golongan yang hanya menerima hadith mutawatir dan sebaliknya tidak menerima autoriti *khobar al-wahid*.

Dalam kitab *Juma' al-'Ilm*, dicatatkan bahawa beliau berjaya menyakinkan pihak-pihak tersebut sehingga kembali menerima hadith sama ada ianya mutawatir atau ahad; sama ada hadith tersebut ada asasnya dalam Qur'an atau sebaliknya. Namun, sejarah menunjukkan golongan-golongan tersebut ada di sepanjang sejarah. Mereka ini pernah wujud di Mesir, Libya, India bahkan Malaysia.

Berinteraksi dengan hadith-hadith yang saling berbeza memerlukan kepakaran yang mendalam dalam ilmu hadith (riwayat dan dirayah) dan ilmu usul al-fiqh. Kitab *ikhtilaf al-hadith* merupakan di antara karya terawal yang ditulis oleh imam al-Shafi'i dalam bidang *ikhtilaf al-hadith*. Kegagalan memahami senario ini akan menyebabkan seolah-olah terdapat pertentangan dan konflik dalam hadith-hadith. Dalam karya tersebut, ia menjelaskan bagaimana imam al-Shafi'i berjaya menangani perbezaan-perbezaan tersebut yang sebahagian besarnya menggunakan kaedah al-jam' wa al-tawfiq di samping lain-lain kaedah yang diiktiraf.

Dalam bidang *fiqh* beliau mengarang *kitab al-hujjah* yang merupakan di antara kitab yang terawal dikarang oleh beliau dan ia adalah koleksi fatwa beliau.⁸ Semasa di Mesir, beliau mengarang semula dengan menamakan *al-Umm*. Ianya sebuah karya masterpiece dan ensiklopedik dalam bidang *fiqh*. Bahkan hadith-hadith yang terdapat dalam *al-Umm* boleh digunakan untuk takhrij al-hadith. Dengan dua buah karya tersebut, *al-Risalah al-qadimah* dan *al-hujjah*, Imam al-Shafi'i dapat mengembangkan pendapat dan metodologi beliau di Iraq yang kemudiannya dinamakan sebagai *madhhab qadim* atau *qawl qadim*. Ahmad b. Hanbal, al-Za'farani dan al-Karabisi di antara murid beliau yang bertanggungjawab menyebarkan mazhab dan fatwanya semasa di Baghdad.⁹

Selain bidang di atas, imam al-Shafi'i juga mahir dalam bidang bahasa Arab, ilmu firasat dan memanah. Pengalaman hidup dan tinggal bersama dengan bani al-Hudhail yang terkenal dengan keaslian bahasanya memberi kredit kepada beliau dalam berinteraksi dengan nusus shar'iyah dari perspektif bahasa Arab.

⁸ Muhammad b. Idris al-Shafi'i (1993), *al-Umm*, Mahmud Matraji (ed), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, ms. 31; al-Nawawi (t.t), *Tahdhib al-Asma' wa al-Lughat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, ms. 61.

⁹ Wahbah al-Zuhayli (1986), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, c. 3 Damsyik: Dar al-Fikr, j. 1, ms. 37.

Secara ringkas, syarat-syarat seorang mujtahid sebagaimana terdapat dalam kebanyakan karya-karya usul al-fiqh kontemporari seperti menguasai ilmu usul al-fiqh, mengetahui ayat dan hadith hukum, ijma', bahasa Arab, maqasid shar'iyah, mengetahui nasikh-mansukh, ikhtilaf dan lainnya telah terzahir pada karya-karya imam al-Shafi'i. Sebagai seorang mujtahid mutlaq, beliau mempunyai sumber dalil dan cara istinbat yang tersendiri. Walaupun berguru dengan imam Malik yang antara lain amat terkenal dengan pegangannya terhadap sumber '*Amal Ahl al-Madinah*, berguru dengan imam Muhammad bin Hasan al-Shaibani-murid kanan imam Abu Hanifah, yang antara lain terkenal dengan pegangan terhadap dalil *al-istihsan*, namun pegangan mereka tidak dapat meyakinkan imam al-Shafi'i, bahkan beliau menolaknya sebagai sumber yang diiktiraf. Kelainan pegangan terhadap sumber oleh seorang yang telah mencapai level *mujtahid mutlaq*, menjadikannya telah mendirikan sebuah mazhab fiqh yang baru. Ianya sebuah mazhab yang eklektif yang mengambilkira dan menggabungkan prinsip-prinsip tertentu dari pelbagai wilayah, aliran dan guru sebagaimana terzahir dalam pengalaman belajar dan menetap di beberapa wilayah yang berbeza-beza.

2. SEJARAH PEMBENTUKAN MAZHAB.

Mazhab-mazhab fiqh telah melalui pelbagai proses seperti pembentukan, pemantapan, pengembangan, penyebaran dan juga pembaharuan. Berkait dengan mazhab Syafi'i secara umum, ia telah melalui proses-proses tersebut. Secara asasnya, proses tajdid atau pembaharuan oleh mazhab Syafi'i dapat dilihat dari aspek bagaimana ia telah diasaskan, iaitu antara lainnya pemilihan manhaj pertengahan di antara aliran Hijaz dan aliran Iraq; antara

mazhab Abu Hanifah dan Mazhab Imam Malik.¹⁰ Dengan lain perkataan, kewujudan mazhab al-Shafi'i adalah satu pembaharuan terhadap mazhab dan aliran yang wujud ketika itu.

Dalam masa yang sama, para murid beliau yang mempunyai daya pemikiran yang tajam seperti Ahmad b. Hanbal, Ishaq b. Rahuwayh, al-Harith b. Surayj al-Naqqal, Ahmad b. Sinan al-Qattan, Ahmad b. Khalid al-Khalal, Abu Thur, al-Hasan b. Muhammad al-Za'farani dan lain-lain lagi merupakan tenaga yang bertanggungjawab memelihara dan mengembangkan metodologi, kaedah hukum dan fatwa-fatwa beliau ketika berada di Baghdad sehingga mazhab beliau berkembang pesat di Iraq. Dengan ini, koleksi fatwa dan ijtihad yang dikeluarkan oleh Imam al-Shafi'i semasa berada di Iraq di namakan sebagai *qawl qadim* (pandangan lama).¹¹ Namun, ketika beliau berada di Mesir, beliau telah melakukan penulisan dan penilaian semua terhadap apa yang telah dihasilkan semasa di Iraq dahulu. Penghasilan ini dipanggil madhhab *jadid* atau juga *qawl jadid*.

Pengamatan terhadap latar belakang dan perjalanan kehidupan Imam al-Shafi'i berkaitan ketokohan dan pembentukan mazhab fiqh tersebut, dapat dirumuskan beberapa perkara:

- I. Sikap dan keputusan tepat seorang ibu membawa pulang imam al-Shafi'i ke pangkuan keturunan Quraish sebelah ayah di Mekah.
- II. Keberkatan doa Nabi s.a.w kepada seorang Quraisy dari segi keilmuan.
- III. Penguasaan terhadap ilmu-ilmu agama semenjak daripada kecil lagi.
- IV. Kekuatan ingatan dan hafalan.

¹⁰ Cf . Dr 'Abd al-Hamid Abu Sulayman (2001), "al-Imam al-Shafi'i wa Usus Tajdid Manahij al-Tashri' al-Islami", dlm. *Salsilah al-Dirasat al-Islamiyyah- al-Imam al-Shafi'i: Faqihan wa Mujtahidan*. Beirut: Dar al-Taqrif bayn al-Madhabi & ISESCO.

¹¹ *Ibid*; Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, *op. cit.*, j. 1, ms. 37.

- V. Persediaan yang mantap terhadap karya seorang tokoh sebelum diterima sebagai murid.
- VI. Berguru dengan tokoh-tokoh yang hebat.
- VII. Menguasai ilmu dan pendekatan oleh tokoh-tokoh di Mekah, Madinah, Iraq, Yaman dan Mesir.
- VIII. Tinggal dan menguasai ilmu Bahasa arab daripada bani Hudhail yang terkenal dengan keaslian bahasanya.
- IX. Mengkaji dan menguasai pemikiran dan karya tokoh-tokoh sebelum atau semasa. Ini terzahir melalui munazarah dan karya-karya khilaf yang dihasilkan.
- X. Penguasaan terhadap bidang ilmu yang pelbagai dizahirkan juga dalam bentuk penulisan karya yang akan terus dikaji generasi seterusnya.
- XI. Penghasilan karya-karya masterpiece, pioneering, ensaiklpedik seperti *al-Risalah*, *al-Umm*, *Ikhtilaf al-Hadith*.

3. KONSEP DAN PRINSIP

Pengamatan terhadap penulisan karya imam al-Shafi'i, ungkapan-ungkapan masyhur yang disandarkan kepada beliau dapat disimpulkan beberapa perkara:

- i. Hieraki keutamaan dalil Syarak perlu diikuti bermula dari al-Qur'an, al-sunnah, al-Ijmak dan al-Qiyas dalam mengistinbak hukum.
- ii. Al-sunnah al-thabitah berada pada posisi yang sama dengan al-Qur'an.
- iii. Al-Sunnah merupakan dalil (*asl bi dhatih*) yang berdiri dengan sendiri yang tidak memerlukan kepada pengesahan oleh lain-lainnya.
- iv. Nusus Syarak perlu difahami secara zahir selagi boleh kecuali perlu ditakwilkan.

- v. Konsep al-bayan yang jelaskan dalam *al-Risalah* merupakan suatu yang unik terutama berkaitan dengan hubungan antara al-Quran dan al-sunnah. Penjelasan mengenai kategori am dan khas amat komprehensif dan menyakinkan.
- vi. Mungkin orang pertama yang merujuk kepada satu ayat al-Quran yang membuktikan sebagai dalil pensyariatan al-ijma'.
- vii. Di antara pelopor yang menafsirkan perkataan *al-hikmah* yang disebut secara beriringan dengan *al-Kitab* dalam al-Quran sebagai al-Sunnah.
- viii. Berguru dengan para guru sehingga diberikan ijazah/pengiktirafan atau sehingga guru tersebut meninggal dunia.
- ix. Pembelajaran dan pencarian ilmu merupakan pembelajaran sepanjang hayat.
- x. Bermunazarah dengan pengikut mazhab sedia ada pada tersebut memerlukan penguasaan yang baik terhadap mazhab-mazhab tersebut.

4. PENDEKATAN

Berkaitan aspek ini, melalui pembaca terhadap karya-karya al-Shafi'i maupun karya-karya yang dihasilkan oleh ulama terkemudian, beberapa perkara boleh diutarakan. Di antaranya:

a. Qawl qadim dan qawl jadid.

Antara keunikan mazhab al-Shafi'i ialah adanya istilah mazhab, kutub dan qawl qadim dan jadid. Sewaktu berada di Mesir, beliau cuba mengkaji semula karangan-karangannya dan juga fatwa-fatwa yang telah beliau keluarkan semasa berada di Baghdad, Iraq dan Mekah. Dengan penyemakan tersebut, beliau dapat mengemaskinikan karangan-karangan beliau agar ia bertambah mantap dan lebih lengkap. Ini termasuk kitab *al-Risalah*, *al-Hujjah*

(sebelum dinamakan *al-Umm*) dan beberapa buah kitab yang lain.¹² Meskipun Imam al-Shafi'i berada di Mesir hampir lima tahun, namun beliau dapat membuat penyemakan semula kitab-kitab beliau yang dikarang sepanjang tempoh 30 tahun. Bahkan beliau dapat menambahkan lagi koleksi baru karangan beliau semasa berada di Mesir.¹³ Begitu juga kewujudan qaul qadim dan qaul jadid dalam mazhab Syafii menggambarkan telah berlakunya penilaian semula pandangan-pandangan semasa di Iraq yang berasaskan kepada perbezaan tempat, zaman, 'uruf, penemuan hadith.¹⁴ Namun penyemakan yang dilakukan oleh Imam al-Shafi'i di Mesir hanya melibatkan beberapa pandangan dan fatwa terhadap masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat yang berbeza dari sudut adat resam dan situasi. Dengan ini, beliau menambah beberapa fakta yang sewajarnya diketengahkan. Fatwa-fatwa baru yang dikeluarkan oleh beliau semasa berada di Mesir dinamakan *qawl jadid* (pandangan baru). Justeru, di peringkat ini mazhab al-Shafi'i mempunyai dua bentuk fatwa iaitu *qawl qadim* dan *qawl jadid*. Ini menunjukkan beliau tidak merubah seratus-peratus terhadap pendapat-pendapat dan fatwa-fatwanya terdahulu.¹⁵ *Qawl qadim* dan *qawl jadid* imam al-Shafi'i menggambarkan keanjalan fiqh. Ia boleh berubah kerana mengambilkira beberapa faktor tertentu. Ia biasanya merujuk kepada perbezaan tempat, uruf, zaman dan penemuan dalil baru yang lebih kuat. Namun secara umum, perubahan *qawl* al-Shafi'i dilihat umum sebagai perbezaan tempat itu sendiri, di antara Iraq dan Mesir.

¹² al-Syafi'i (1993), *al-Umm*, *op. cit.*, ms. 31; Abu Hamid al-Ghazali, *al-Mustasfa min 'ilm al-Usul*, Kaherah: al-Halabi, j. 2, ms. 131.

¹³ Muhammad 'Abd al-Rahim (1995), *Diwan al-Imam al-Shafi'i*, Beirut: Dar al-Fikr, ms. 32.

¹⁴ Lihat Siti Khurshiah bt. Mohd Mansor (2001), "Faktor-faktor Perubahan Qawl Qadim kepada Qawl Jadid Imam al-Shafi'i: Hubungannya dengan fiqh Kontemporari", Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, UM; Shihabuddin Huhaemin (2005), "Pandangan al-Syafi'i Dalam Qawl Qadim dan Qawl jadid: Satu Analisis", Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, UM

¹⁵ Muhammad Abu Zahrah (1948), *al-Imam al-Shafi'i*, *op. cit.*, ms. 149; _____ (1987M), *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, *op. cit.*, ms. 477.

Terdapat beberapa persoalan berbangkit daripada kewujudan dan keberadaan qawl Qadim dan jadid dalam mazhab. Adakah qawl jadid menasakhkan qawl Qadim? Adakah pengikut beliau semasa di Iraq tidak lagi boleh beramal dengan pandangan-pandangan imam semasa beliau berada di Iraq? Sehubungan dengan itu, tokoh-tokoh dalam mazhab telah melakukan penelitian dan mendapati bahawa qawl Qadim (dalam 14-20 qawl) adalah rajih berbanding qawl jadid.

b. Toleransi dan penghormatan

Dalam disiplin ilmu usul al-fiqh, seseorang mujtahid, terutama yang telah mencapai peringkat mujtahid mutlaq hendaklah berijtihad mencari hukum dan tidak boleh bertaqlid kepada orang lain. Selaras dengan kenyataan tersebut, masing-masing imam mujtahid telah mengeluarkan hukum berdasarkan kepada ijtihad masing-masing. Kemungkinan terdapat perbezaan pendapat dalam perkara-perkara tertentu adalah lumrah dan masing-masing berpegang dengan ijtihad masing-masing. Di antara contoh yang ketara ialah mengenai doa qunut pada solat Subuh. Imam al-Shafi'i ketika solat subuh di Iraq meninggalkan bacaan qunut sebagai penghormatan kepada imam Abu Hanifah yang tidak mengharuskan doa tersebut. Iktibar yang dapat diambil bahawa walaupun memiliki pandangan yang berbeza berasaskan hujah masing, tetapi hal itu tidak menghalang pihak yang berlainan pendapat menghormati pihak yang satu lagi kerana masing-masing telah melaksanakan ijtihad masing-masing. Dengan lain perkataan, perbezaan pendapat tidak menghalang wujudnya penghormatan. Ilmu dan adab saling berkaitan.

Sehubungan dengan itu, kata-kata yang sering dinisbahkan kepada imam al-Shafi'i, "*ra'yi sawab yahtamil al-khata', wa ra'y ghayri khata' yahtamil al-sawab*"-"pendapat ku benar yang kemungkinan terdapat kesilapan, dan pendapat orang selain ku adalah salah tapi ada

kemungkinan betul” menggambarkan keluasan ilmu dan berlapang dada. Namun, sebaliknya sebahagian generasi sekarang melaung slogan “*ra’yi sawab la yahtamil al-khata’, wa ra’y ghayri khata’ la yahtamil al-sawab*” –“ pendapat ku benar yang tak kemungkinan ada kesilapan, dan pendapat orang selain ku adalah salah yang tak mungkin betul” adalah suatu yang bertentangan dengan ajaran dan peninggal generasi salaf salih yang sering diungkap oleh imam al-Shafi’i.

c. Warak dan tawadhuk

Selain itu, terdapat juga ungkapan yang dinisbahkan kepada imam al-Shafi’i, “*idha sahh al-hadith fahuwa madhhabi*” yang secara literalnya boleh diterjemahkan sebagai, “apabila sebuah itu hadith sahih, maka itulah mazhab peganganku”. Pencerahan dan huraian maksud kata-kata tersebut pelbagai bergantung kepada latar belakang masing-masing. Bagi pihak-pihak yang mendalami mazhab Shafi’i, ungkapan itu tidak boleh difahami secara literal sahaja. Bahkan ia menggambarkan kewarakan dan sifat tawadu’ imam al-Shafi’i. Berkaitan hal ini, imam al-Subki telah menghasilkan sebuah karya bagi menjelaskan maksud ungkapan tersebut dengan merujuk beberapa kebarangkalian. Sebaliknya, Implikasi daripada pemahaman secara literal tersebut ialah:

- i. Mana-mana hukum yang diputuskan dalam mazhab al-Shafi’i dan bercanggah dengan hadith sahih, yang terpakai adalah hadith sahih. Manakala hukum yang ada tersebut tidak boleh digunakan.

Dalam isu ini, terdapat dua pendekatan daripada dua pihak. Pertama, pendekatan berasaskan ilmu hadith dan pendekatan kepada ilmu usul al-fiqh. Berbalik kepada pendekatan kedua, diutarakan beberapa kemungkinan yang melatari terbitnya ungkapan tersebut daripada imam al-Shafi’i:

- i. Hadith sahih tersebut tidak sampai kepada imam al-Shafi'i;
- ii. Hadith sahih tersebut yang tidak diambilkira oleh al-Shafi'i berkemungkinan mansukh, atau ada hadith lain yang lebih *rajih* atau ada dalil lain yang lebih kuat.
- iii. Ia menggambarkan ketawadukan imam al-Shafi'i mengenai penguasaannya terhadap riwayat hadith.

d. Bijaksana

Populariti Imam al-Shafi'i dalam bidang ilmu tidak dapat disangkal lagi.¹⁶ Dengan pengalaman pengembaraan ilmiah beliau meliputi sebahagian bandar-bandar besar ketika itu beliau dapat menyelesaikan masalah dan persoalan yang berlaku dalam masyarakat yang berubah dari sudut adat resam.¹⁷ Ini kerana beliau pernah menuntut ilmu di pelbagai tempat seperti Mekah¹⁸, Madinah, Yaman, Iraq dan Mesir.

- i. Keputusan bijak dan berwawasan oleh seorang ibu yang sedang membesarkan seorang yatim yang masih kecil ke pangkuan keluarga terhormat di sebelah ayah agar mendapat pembelaan sewajarnya dari aspek pembiayaan, pembelajaran dan suasana yang baik. Keadaan kekurangan harta tidak menghalang ibu daripada berusaha membayar kepada para guru dan mashaikh agar mengajar dan mendidik imam al-Shafi'i.
- ii. Kebijaksanaan dalam menjawab tuduhan dan tohmahan terlibat dengan agenda *tasyayyu'* di samping terdapat kenalan orang atas yang rapat dengan khalifah menyelamatkannya daripada hukum mati. Berdasarkan riwayat,

¹⁶ (Lihat, al-Hafiz Abu Na'im al-Asbahani Ahmad b. 'Abd Allah (t.t), *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiyat*, Mesir: Dar al-Kitab al-'Arabi, j. 9, ms. 135).

¹⁷ Muhammad Abu Zahrah (1948), *al-Imam al-Shafi'i*, *op. cit.*, ms. 149.

¹⁸ (Lihat, al-Baghdadi (1997), *op. cit.*, j.2, ms. 57).

mereka yang diseret bersama imam al-Shafi'i dari Yaman ke istana khalifah di Iraq, semuanya menemui ajal masing-masing kecuali imam al-Shafi'i. Begitu juga jawabannya terhadap persoalan *khalq al-Qur'an*.

- iii. Bijak dalam menilai keadaan dan suasana agar mazhab barunya dapat berkembang. Suasana yang tidak selesa di Iraq dengan penguasaan golongan al-Mu'tazilah terhadap pemikiran para khalifah terutama berkaitan dengan *khalq al-Qur'an*. Pada masa yang sama sokongan daripada penguasa di Mesir memberi ruang dan peluang keemasan. Penilaian di antara peluang dan dukungan dari Mesir dengan suasana tidak selesa di Iraq mendorong beliau memilih Mesir sebagai bumi subur untuk perkembangan mazhabnya. Sebagai natijah, walaupun dalam masa yang relatifnya agak singkat di Mesir, namun impaknya amat baik sekali dari segi penulisan karya jadid, para murid yang setia pewaris dan penyambung survival mazhab, ruang pengajian dan pengajaran yang baik dan hubungan dengan pemerintah.

PENUTUP

Sejarah telah membuktikan bahawa imam al-Shafi'i merupakan Mujaddid baru abad kedua hijrah. Asas gelaran itu merujuk kepada sumbangan beliau dalam penyusunan ilmu usul al-fiqh secara sistematik yang dizahirkan dalam kitab al-Risalah. Kehebatan dan keberkatan kitab ini ialah setiap kali dibaca, ia akan memberi kefahaman dan idea baru. Dalam kesempatan yang terbatas ini, hanya ditonjolkan sebahagian kecil legasi yang telah ditinggalkan oleh imam al-Shafi'i kepada ummah. Banyak lagi yang boleh diulas dan dijelaskan terutama berkaitan legasi yang ditinggalkan oleh para ulama dalam mazhab yang mewakili penulisan mereka yang pelbagai. Semoga kita semua diberikan kekuatan dan istiqomah dalam berhukum dengan

merujuk kepada sumber dan kaedah pengisbatan yang telah ditunjukkan dan ternyata ia dapat bertanya sampai ke hari ini dan kita bermohon kepada Allah ta'ala agar tidak menggolongkan kita semua kepada golongan yang taksub. Amin.